

### ASAS ANUGERAH

- i. Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk merangkumi produk berdasarkan penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan di Malaysia dan telah dikomersialkan melalui syarikat berdaftar, memberi impak dari segi penjanaan ilmu ke arah peningkatan kualiti hidup, pembangunan industri dan pertumbuhan ekonomi Negara.
- ii. Pemenang Anugerah ini boleh memohon semula pada tahun berikutnya dengan produk yang berbeza.

### KRITERIA PENCALONAN PRODUK

- i. Produk yang telah dikomersialkan hendaklah berdaftar dengan UiTM.
- ii. Produk yang dikomersialkan telah menjana pendapatan (jualan kasar) kepada syarikat dan memberi pulangan (royalti, yuran pelesenan, bayaran perundingan) kepada universiti dan penyelidik. Yuran perkhidmatan dan amaun terimaan daripada penyelidikan kontrak tidak diambil kira sebagai jualan kasar / pendapatan pengkomersilan.
- iii. Untuk layak memohon, **hasil jualan kasar mestilah mencapai sekurang-kurangnya RM100,000 (RINGGIT MALAYSIA SATU RATUS RIBU SAHAJA) di dalam tempoh 01 Januari 2022 hingga TERKINI.**

### KRITERIA PEMILIHAN ANUGERAH INOVASI DAN PENGKOMERSILAN PRODUK

Pemilihan produk akan mengambil kira perkara berikut:

- i. Penerangan dari aspek teknikal, keaslian (*originality*) dan kepentingan kepada pengguna.
- ii. Perlu mendapat perlindungan harta intelek dan mempunyai perjanjian pengkomersilan di antara universiti dan syarikat.
- iii. Pernah menerima anugerah dari dalam dan / atau luar negara.
- iv. Telah menjana hasil jualan kasar dan / atau pendapatan pengkomersilan kepada universiti dan penyelidik.
- v. Telah berjaya menembusi pasaran dalam dan / atau luar negara.
- vi. Mempunyai elemen nilai tambah berbanding dengan produk yang sedia ada di pasaran.
- vii. Memberi impak terhadap kualiti hidup, industri dan ekonomi negara.
- viii. Mampu menjana peluang pekerjaan dan perniagaan baru.
- ix. Terdapat usaha ke arah kelestarian perniagaan termasuk pengembangan pasaran, penambahbaikan produk dan pelaburan semula dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).
- x. Penerbitan berkaitan produk telah dihasilkan.
- xi. Telah memperolehi dana untuk sekurang-kurangnya satu fasa berikut: penyelidikan, pembangunan atau pengkomersilan.

## FORMAT HURAIAN PRODUK

Sila huraikan/nyatakan perkara berikut berkenaan produk ini mengikut urutan di bawah. Sila sertakan dokumen sokongan sebagai pengakuan bagi setiap pernyataan. Bagi perkara yang ditandakan (\*), bukti yang berkaitan **WAJIB** dilampirkan.

### 1. Produk

- i. Aspek teknikal, keaslian (*originality*) dan kepentingan kepada pengguna.
  - ii. Status perlindungan pendaftaran harta intelek.
    - Kategori harta intelek (paten, *trade mark*, *utility design*, *industrial design*, *copyright*, *know-how* atau *trade secret*).
    - Status (*pending* atau *granted*) dan nombor rujukan.
    - Nyatakan samada paten difailkan di bawah *Patent Cooperation Treaty* (PCT) dan senaraikan negara yang didaftarkan.
  - iii. Anugerah yang telah diterima
  - iv. Keberkesanan dan nilai tambah (*value added*) berbanding dengan produk yang sedia ada di pasaran.
- \*Contohnya daripada aspek penjimatan kos dan/atau dan peningkatan produktiviti.**

### 2. Pengkomersilan

- i. Hasil jualan kasar oleh syarikat / enterpis dan / atau pendapatan pengkomersilan kepada institusi serta penyelidik sejak mula dikomersialkan sehingga tahun kewangan terkini. Yuran pelesenan dan bayaran perundingan boleh diambil kira sebagai pendapatan pengkomersilan. Walau bagaimanapun, yuran perkhidmatan dan amaun terimaan penyelidikan kontrak tidak diambil kira sebagai pendapatan pengkomersilan. Dokumen berkaitan produk yang perlu disertakan ialah:
  - a. Salinan perjanjian pengkomersilan yang disahkan;
  - b. Penyata akaun teraudit syarikat / enterpis; dan
  - c. Penyata akaun pendapatan yang sah bagi institusi dan penyelidik.
- ii. Negara di mana produk telah dipasarkan. Dokumen yang perlu disertakan ialah salinan invois jualan bagi setiap negara yang dipasarkan.
- iii. Dana yang diperolehi bagi penghasilan dan pengkomersilannya. Ini meliputi fasa penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R & D & C).

### 3. Impak

- i. Impak terhadap kualiti hidup, industri dan ekonomi negara.
  - a. Bagaimana ia membantu dalam menjana peluang pekerjaan dan perniagaan baru.
  - b. Tren hasil jualan. Petunjuk tren termasuk carta jualan atau seumpamanya.
  - c. Kelestarian perniagaan. Petunjuk kelestarian perniagaan termasuk pengembangan pasaran, penambahbaikan produk, penjimatan kos & masa, produktiviti dan pelaburan semula dalam R&D.
  - d. Bagaimana produk ini menyumbang kepada kemandirian (*self-sufficiency*) ekonomi, kelestarian alam sekitar, pembangunan ekonomi dan / atau peningkatan imej negara.
  - e. Peningkatan kualiti hidup. Contohnya: Produk yang mesra alam; menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan/atau seluruh kehidupan alam.

## NILAI ANUGERAH

Nilai anugerah adalah ****Rm200.00**** berserta hadiah iringan dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor.